

MBK-MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 OKT. (BERNAMA) -- CUEPACS DAN KELIMA-LIMA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) BAGI PIHAK PEKERJA AKAN MENGAMBIL SIKAP TERBUKA DALAM PERBINCANGAN PENYELESAIAN ISU TUNTUTAN PELARASAN GAJI PADA PERTEMUAN DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEDIKIT MASA LAGI.

PRESIDEN CUEPACS ENCIK AHMAD NOR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA BERTINDAK KELIMA-LIMA MBK DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA DALAM KEADAAN PERDANA MENTERI TELAH MENUNJUKKAN KEIKHLASANNYA UNTUK MENEMUI WAKIL CUEPACS-MBK; MAKA MESYUARAT MENGAMBIL KEPUTUSAN SUPAYA DATUK SERI DR MAHATHIR DIBENARKAN MEMBERIKAN PANDANGANNYA MENGENAI PENYELESAIAN KEPADA TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM.

+WAKIL CUEPACS-MBK BERSEDIA MENIMBANGKAN SEGALA PANDANGAN YANG DIBERIKAN OLEH PERDANA MENTERI DALAM PERTEMUAN ITU NANTI; + KATANYA.

+KITA PERLU MEMBERI PELUANG KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGEMUKAKAN HARAPAN PENYELESAIAN YANG DIMAKSUDKAN OLEH BELIAU DALAM KENYATAANNYA KEPADA AKHBAR BARU-BARU INI; + KATANYA. -- LAGI.

MBK - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA JAWATANKUASA TERSEBUT MENGAMBIL KEPUTUSAN AKAN MEMBERIKAN GARIS PANDUAN KEPADA WAKIL CUEPACS-MBK DALAM PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI TENTANG PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIBINCANGKAN.

+WALAUPUN MEREKA DIBERI GARIS PANDUAN DAN PERTEMUAN ITU BERSIFAT TERBUKA; PERBINCANGAN AKAN DITUMPUKAN KEPADA PERKARA-PERKARA YANG BERSANGKUTAN DENGAN TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM; + TAMBAH BELIAU.

ENCIK AHMAD NOR TIDAK BERSEDIA UNTUK MENYATAKAN APAKAH PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIBAWA OLEH CUEPACS-MBK DALAM PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI SEBAGAI JALAN KELUAR KEPADA PENYELESAIAN ISU GAJI TERSEBUT.

BELIAU BERHARAP PERTEMUAN CUEPACS-MBK DENGAN PERDANA MENTERI AKAN DIADAKAN SECEPAT MUNGKIN.

KATANYA CUEPACS-MBK TIDAK AKAN MENETAPKAN TEMPOH MASA BAGI PERBINCANGAN DENGAN PERDANA MENTERI NANTI; KATANYA. -- LAGI.

MBK - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA TERLALU BANYAK KENYATAAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM TENTANG PENYELESAIAN ISU PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM DAN BELIAU MAHUKAN PERDANA MENTERI SENDIRI MENGEMUKAKANNYA SECARA RASMI.

+KITA MAHU KERAJAAN SECARA RASMI MENGELUARKAN TAWARAN TENTANG PENYELESAIAN ISU ITU; + TAMBAH BELIAU.

MESYUARAT ITU MEMUTUSKAN SUPAYA WAKIL CUEPACS-MBK DALAM PERTEMUAN TERSEBUT DILANTIK KEMUDIAN; KATANYA.

BAGAIMANAPUN KATANYA ADA KEMUNGKINAN BESAR YANG BELIAU DAN SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS HAJI JAMALUDDIN ISA AKAN MENGHADIRI PERTEMUAN TERSEBUT. -- BERNAMA.

1946MST 23 10 85